

KERATAN AKHBAR

KEMAS mahu wujudkan TABIKA elit

Alor Gajah: Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) akan mewujudkan taman bimbingan kanak-kanak (TABIKA) elit, sejajar kemajuan pendidikan awal kanak-kanak, terutama konsep kelas pintar.

Timbalan Menteri I, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, berkata kertas kerja penubuhannya sudah siap dan akan diperinci sebelum dibentang pada mesyuarat Jemaah Menteri.

Katanya, TABIKA berkenaan untuk murid dari keluarga mempunyai kemampuan kewangan kerana yurannya lebih tinggi, berbanding yuran TABIKA KEMAS antara RM5 hingga RM25 sebulan.

"Kita tidak paksa ibu bapa menghantar anak ke TABIKA elit kerana 10,900 TABIKA biasa masih beroperasi, tetapi TABIKA elit menyediakan kurikulum lebih baik, berbanding yang biasa.

"Jika Kabinet bersetuju, kita



Abdul Rahman menyampaikan Anugerah Kokurikulum dan Kepimpinan Terbaik Taska PLK Melaka kepada Norashila Maarupi pada Majlis Penutup dan Penyampaian SPAK TABIKA/TASKA 2020 di Alor Gajah. (Foto BERNAMA)

akan wujudkan projek perintis di kawasan tertentu khusus untuk ibu bapa daripada golongan berpendapatan 40 peratus pertengahan (M40)," katanya selepas menyampaikan Sijil Pendidikan

Awal Kanak-Kanak 2020 kepada 222 pelatih KEMAS, di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) KEMAS, Ahmad Kamal Idris Nawawi dan

Pengarah Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional KEMAS, Nor'ein Abdul Shukor.

Pelatih memiliki Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak dan menjalani latihan tiga bulan bagi melayakkan mereka dilantik sebagai Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (Pendidik Masyarakat) Gred S29 kontrak.

Abdul Rahman berkata, TABIKA elit lanjutan daripada kejayaan KEMAS menyediakan modul pembelajaran sains, teknologi, agama, kejuruteraan, seni dan matematik (e-STREAM) yang dilaksanakan di 150 TABIKA KEMAS.

"Modul itu diterapkan dalam konsep kelas pintar dalam pembelajaran awal kanak-kanak abad ke-21 di TABIKA berkenaan," katanya.

Dalam hal berkaitan, Abdul Rahman berkata, kementerian sudah membelanjakan RM23 juta untuk pembaikan, menaik taraf dan membina TABIKA KEMAS baharu tahun ini.

BERITA HARIAN

KETERANGAN AKHBAR



KERATAN BERTARIKH: 30 SEPTEMBER 2020

RUANGAN: NASIONAL

HALAMAN: 20